

Praktis Topikal

Bahagian A Soalan Objektif

7.1 Matlamat dan Bentuk Penentangan Masyarakat Tempatan

1 Antara berikut, yang manakah bentuk perjuangan yang telah digunakan oleh masyarakat tempatan bagi menentang British?

MS Tekst 172

- I Melakukan penentangan bersenjata
- II Menggunakan sistem perundangan
- III Membuat demonstrasi aman
- IV Menulis dalam surat khabar
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

2 Pernyataan berikut merujuk kepada penentangan Dol Said di Naning.

MS Tekst 173

- 1831, Dol Said dan pengikutnya berjaya mengalahkan British
- 1832, British berjaya menguasai Taboh

Mengapakah serangan kedua British boleh mengalahkan Dol Said?

- A Kurang bersedia
- B Bantuan Belanda
- C Tidak mendapat bantuan luar
- D Kehabisan kelengkapan tentera

3 Ilustrasi berikut menunjukkan tokoh kaum Iban di Sungai Skrang dan Sungai Saribas.

MS Tekst 175



Rentap

Apakah sebab penentangan tokoh tersebut?

- A Bertentangan nilai masyarakat
- B Cukai membebankan
- C Memungkir janji
- D Dituduh lanun

4 Bagaimanakah bentuk penentangan dilakukan oleh Dato' Maharaja Lela di Perak?

MS Tekst 178

- A Menggunakan sistem perundangan
- B Menggunakan rundingan
- C Mencabar perjanjian
- D Serangan fizikal

5 Penentangan Haji Abdul Rahman Limbong di Terengganu adalah kerana menentang pentadbiran Barat dan memperjuangkan hak petani.

MS Tekst 179

Bagaimanakah beliau melakukan penentangannya?

- A Melakukan perang gerila
- B Bertindak sebagai *pleader*
- C Mendapatkan bantuan sultan
- D Bekerjasama dengan pembesar

7.2 Sistem Pentadbiran Barat Memberikan Kesan Terhadap Kuasa Pemerintahan dan Kehidupan Masyarakat Tempatan

6 Maklumat berikut berkaitan tentang nama tempat di Negeri Sembilan.

MS Tekst 180

- Jelebu
- Rembau
- Seri Menanti

Bagaimanakah British menguasai tempat-tempat tersebut?

- A Menempatkan Pegawai Majistret
- B Menetapkan sempadan negeri
- C Menggubal undang-undang
- D Melantik Residen British

7 Apakah kesan daripada pembinaan balai polis di Lubuk Terua, Pahang oleh pihak British?

MS Tekst 181

- A Pengrekrutan penduduk
- B Kekurangan polis tempatan
- C Menggugat kedudukan pembesar
- D Perbelanjaan kerajaan meningkat

8 Apakah punca ketidakpuasan hati orang Murut terhadap pentadbiran SBUB?

MS Tekst 183

- A Dikenakan cukai tinggi
- B Layanan kasar pegawai
- C Layanan yang tidak adil
- D Dianggap sebagai lanun

9 Antara yang berikut, yang manakah merupakan ciri-ciri sistem kutipan cukai yang dikenakan terhadap petani di Pasir Puteh selepas kedatangan British?

MS Tek 182

- I Berkadar rendah
 - II Berdasarkan hasil keluaran
 - III Semua pemilik tanah wajib bayar cukai
 - IV Dikenakan cukai tanaman dan binatang ternakan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

7.3 Penentangan Masyarakat Tempatan Terhadap Kuasa Barat

10 Maklumat berikut berkaitan peristiwa yang berlaku di Pasir Salak, Perak.

MS Tek 184

Pada 2 November 1875, J.W.W. Birch berjaya dibunuh oleh pembesar Perak

Apakah faktor yang membawa kepada kejayaan tersebut?

- A Bantuan kuasa asing
- B Kelengkapan tentera
- C Muafakat antara pembesar
- D Kubu pertahanan yang kuat

11 Maklumat yang berikut merujuk kepada kubu pertahanan yang dibina oleh tokoh penentangan.

MS Tek 184 - 185

- Kubu Paroi
- Kubu Rentap
- Kubu Mat Sator

Apakah kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan pembinaan kubu pertahanan tersebut?

- A Setia kepada pemimpin
- B Bijak mengatur strategi
- C Menghargai seni bina negara
- D Bekerjasama dalam penentangan

12 Apakah faktor yang membolehkan Brooke menewaskan Rentap?

MS Tek 186

- I Penggunaan meriam
 - II Angkatan tentera besar
 - III Pengikut berpaling tadah
 - IV Menggunakan tipu muslihat
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

13 Pernyataan berikut berkaitan hukuman yang dikenakan terhadap petani di Terengganu.

MS Tek 187

Haji Abdul Rahman Limbong telah dijatuhkan hukuman buang negeri ke Makkah

Mengapakah British mengambil tindakan tersebut?

- A Mendapatkan sokongan rakyat
- B Permintaan daripada sultan negeri
- C Mengurangkan penentangan rakyat
- D Membolehkan urusan ibadat dilakukan

14 Maklumat berikut berkaitan dengan tokoh pejuang tempatan.

MS Tek 188

- Tok Janggut
- Mat Salleh

Apakah persamaan strategi yang digunakan oleh British bagi menghadapi penentangan kedua-dua orang tokoh tersebut?

- A Tipu muslihat
- B Serangan fizikal
- C Bantuan kuasa asing
- D Pakatan dengan sultan

15 Maklumat berikut merujuk kepada faktor kegagalan penentangan tokoh tempatan terhadap pentadbiran Barat.

MS Tek 189

Sokongan tidak menyeluruh terutamanya daripada pihak istana

Apakah iktibar yang boleh dipelajari daripada peristiwa tersebut?

- A Hormat institusi kesultanan
- B Bijak menyelesaikan masalah
- C Menerima perubahan yang berlaku
- D Bersatu padu dalam sesuatu tindakan

16 Apakah faktor yang menyebabkan penentangan masyarakat tempatan menemui kegagalan?

MS Tek 189

- I Pembesar berputus asa
 - II Kurang sokongan istana
 - III Pakatan antara kuasa asing
 - IV Bantuan luar tidak mencukupi
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

7.4 Kesan Penentangan Masyarakat Tempatan

17 Apakah kesan penentangan masyarakat tempatan terhadap pentadbiran Barat?

MS Tekst
190

- I Penubuhan Perkhidmatan Tadbir Melayu
 - II Penubuhan Majlis Mesyuarat Negeri
 - III Kehilangan kuasa dan pengaruh
 - IV Kehilangan hak kutip cukai
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

18 Maklumat berikut merujuk kepada kesan penentangan masyarakat tempatan.

MS Tekst
190

Perkhidmatan Awam Tanah Melayu
(Malayan Civil Service)

Mengapakah British menubuhkan badan tersebut?

- A Memberi peluang kepada aristokrat Melayu
- B Memberi kuasa kepada pegawai Barat
- C Proses berkerajaan sendiri
- D Dasar kerajaan British

19 Maklumat berikut berkaitan dengan kesan penentangan masyarakat tempatan terhadap pemerintah dan pembesar.

MS Tekst
191

KBAT

- Kehilangan jawatan
- Kehilangan jiwa

Apakah nilai murni yang boleh dicontohi daripada kesan tersebut?

- A Bersatu padu
- B Setia kepada pemimpin
- C Sanggup berkorban untuk bangsa
- D Bijak menyusun strategi perjuangan

20 Antara kesan penentangan masyarakat tempatan ialah bahasa Melayu telah menjadi bahasa rasmi persidangan Majlis Mesyuarat Negeri.

MS Tekst
191

Apakah iktibar daripada peristiwa tersebut?

- A Penggunaan pelbagai bahasa
- B Mementingkan sistem pendidikan
- C Mempertahankan kedaulatan bangsa
- D Menolak perubahan luar secara mutlak